



UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK (UNIMAS)

**PEKELILING AKADEMIK
BILANGAN 1 TAHUN 2021**

Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Tarikh: 11 Mac 2021

Disalinkan kepada:

Dekan Fakulti
Semua Staf Akademik

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

UNIMAS/TNC(AA)/03-01 Jilid 2 (26)

11 Mac 2021

PEKELILING AKADEMIK BILANGAN 1 TAHUN 2021

**GARIS PANDUAN KOD KURSUS DAN TAFSIRAN ANGKA KREDIT
UNTUK PROGRAM AKADEMIK PERINGKAT PRA-UNIVERSITI,
PRASISWAZAH DAN PASCASISWAZAH OLEH FAKULTI DAN PUSAT DI
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK**

1. Pekeling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua staf berkaitan keputusan Mesyuarat Senat Bil. 01/2021 ke-93 berhubung Pindaan Garis Panduan Kod Kursus dan Tafsiran Angka Kredit untuk Program Akademik Peringkat Pra-Universiti, Prasiswazah dan Pascasiswazah di Universiti Malaysia Sarawak.
 - 1.1 Garis Panduan Kod Kursus Dan Tafsiran Angka Kredit untuk Program Akademik Peringkat Pra-Universiti, Prasiswazah dan Pascasiswazah di Universiti Malaysia Sarawak telah diluluskan dalam Mesyuarat Senat Bil 07/2014 ke 135 pada 3 September 2014. Susulan daripada itu beberapa cadangan pindaan terhadap garis panduan tersebut telah diluluskan pada Mesyuarat Senat Bil 03/2015 ke 140 dan Mesyuarat Senat Bil 06/2017 ke 162.
 - 1.2 Di dalam garis panduan sedia ada, penentuan angka kedua dan ketiga bagi kod kursus adalah dinyatakan sebagai turutan mengikut senarai/tahun/penawaran seperti di **Jadual 1**. Penyataan ini adalah tidak jelas untuk menunjukkan sama ada penentuan angka kedua dan ketiga adalah berdasarkan tahun pengajian ataupun berdasarkan jumlah keseluruhan kursus di dalam program.

Jadual 1: Turutan angka beserta tafsirannya.

Turutan Angka	Tahap Pengajian	Tafsiran	
Pertama	Tahap Pengajian	1 – 4	Sarjana Muda
		5	Pascasiswazah
		6	Sarjana
		7	Kedoktoran
		8	Sijil
		9	Diploma Eksekutif
Kedua dan Ketiga	Turutan mengikut senarai/tahun/ penawaran		
Keempat	Jumlah Kredit	Contoh: GKC 101 <u>4</u> (4 kredit)	

- 1.3 Ketika ini terdapat dua kaedah yang digunakan oleh program-program di UNIMAS terutamanya untuk program sarjana muda dalam menentukan angka kedua dan ketiga kod kursus iaitu:
- kaedah 1 – berdasarkan turutan bilangan kursus diwujudkan bagi sesuatu tahun pengajian (**Jadual 2**) dan,
 - kaedah 2 – berdasarkan turutan bilangan kursus diwujudkan bagi keseluruhan kursus (kumulatif) di dalam program (**Jadual 3**).

Manakala program pascasiswazah sedia ada mengguna pakai kaedah 2.

Jadual 2: Kaedah 1 - Penentuan angka kedua dan ketiga kod kursus berdasarkan tahun pengajian.

Tahun Pengajian	Tahun 1	Tahun 2	Tahun 3
Kod Kursus	ABC1 <u>01</u> 3	ABC2 <u>01</u> 3	ABC3 <u>01</u> 3
	ABC1 <u>02</u> 3	ABC2 <u>02</u> 3	ABC3 <u>02</u> 3
	ABC1 <u>03</u> 3	ABC2 <u>03</u> 3	ABC3 <u>03</u> 3

Jadual 3: Kaedah 2 - Penentuan angka kedua dan ketiga kod kursus berdasarkan jumlah keseluruhan kursus di dalam program.

Tahun Pengajian	Tahun 1	Tahun 2	Tahun 3
Kod Kursus	ABC1 <u>01</u> 3	ABC2 <u>04</u> 3	ABC3 <u>07</u> 3
	ABC1 <u>02</u> 3	ABC2 <u>05</u> 3	ABC3 <u>08</u> 3
	ABC1 <u>03</u> 3	ABC2 <u>06</u> 3	ABC3 <u>09</u> 3

- 1.4 Keadaan ini menyebabkan ketidakseragaman dalam menentukan kod kursus bagi program sarjana muda. Oleh yang demikian, penggunaan satu kaedah yang standard dalam menentukan angka kedua dan ketiga adalah perlu untuk menyelaraskan penentuan kod kursus.
- 1.5 Selain itu, kaedah 1 memberikan julat nombor yang lebih banyak berdasarkan tahun pengajian, berbanding kaedah 2, seperti berikut:

- Kaedah 1: Julat 01 – 99 untuk setiap tahun dalam satu program.

Tahun Pengajian	Tahun 1	Tahun 2	Tahun 3
Julat angka kedua dan ketiga	01 - 99	01 - 99	01 - 99

ii. Kaedah 2: Julat 01 – 99 untuk satu program.

Tahun Pengajian	Tahun 1	Tahun 2	Tahun 3
Julat angka kedua dan ketiga		01 - 99	

Implikasi kaedah 2 tersebut lebih memberi kesan kepada program sarjana muda kerana jumlah kursus adalah lebih banyak berbanding jumlah kursus program pascasiswazah.

2. KEPUTUSAN

i. Kod Abjad Mewakili Fakulti dan Pusat

a. Setiap fakulti dan pusat yang menawarkan program akademik diwakili oleh **dua abjad** seperti berikut:

Fakulti/Pusat	Kod Abjad
Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif	GK
Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia	KM
Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat	TM
Fakulti Ekonomi dan Perniagaan	EB
Fakulti Kejuruteraan	KN
Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan	MD
Fakulti Sains dan Teknologi Sumber	ST
Fakulti Sains Sosial	SS
Fakulti Bahasa dan Komunikasi	PB
Fakulti Alam Bina	BE
Pusat Pembelajaran Gunaan dan Multimedia	CLM
Pusat Pengajian Pra Universiti	PR
Pusat Pemajuan Pelajar	PP

b. Pusat Pembelajaran Gunaan dan Multimedia diwakili oleh **tiga abjad** bagi mewakili program akademik yang ditawarkan, iaitu Program Diploma Pascasiswazah dalam Pengajaran dan Pembelajaran

Fakulti/Pusat	Kod Abjad
Pusat Pembelajaran Gunaan dan Multimedia	CLM

ii. Kod Abjad Ketiga Mewakili Program Akademik di Fakulti dan Pusat.

- a. Abjad **ketiga** bagi mewakili program akademik perlu mempunyai persamaan huruf dengan nama program tersebut.

G	K	C
<i>Kod Abjad Mewakili Fakulti</i>	<i>Kod Abjad Mewakili Program 'Contoh'</i>	

- b. Program akademik yang mempunyai dua teras program boleh menggunakan kod abjad yang berbeza sebagai kod abjad ketiga.
- c. Pemilihan abjad ketiga mewakili program akademik berdasarkan kelulusan Fakulti dan Pusat. Makluman tentang Kod Abjad ketiga ini perlu dimajukan kepada pihak PPPA.

iii. Kod Abjad Ketiga Mewakili Kursus Pembangunan Generik (Kursus Universiti)

- a. Kod Abjad ketiga bagi mewakili kursus dari Pusat Pengajian Bahasa yang bertaraf Kursus Pembangunan Generik ialah 'T' untuk kursus-kursus Bahasa Inggeris dan 'M' untuk kursus-kursus Bahasa Melayu.

iv. Kod Abjad Ketiga Mewakili Kursus Elektif Universiti yang ditawarkan oleh Fakulti dan Pusat.

- a. Kod Abjad ketiga bagi mewakili kursus-kursus yang bertaraf **Kursus Elektif Universiti** ialah 'U'.

G	K	U	Catatan:
<i>Kod Abjad Mewakili Fakulti</i>	<i>Kod Abjad Mewakili Kursus Elektif</i>		'Kursus Elektif Universiti' ialah kursus yang diambil sama ada daripada program lain di dalam atau di luar Fakulti. (Buku Peraturan Akademik Pengajian Ijazah Sarjana Muda, 2012/2013,m.s 5)

- b. Kod kursus untuk Kursus Elektif Universiti yang ditawarkan mengikut kod abjad mewakili Fakulti dan Pusat adalah seperti berikut:

Fakulti/Pusat	Kod Abjad
Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif	GKU
Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia	KMU
Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat	TMU
Fakulti Ekonomi dan Perniagaan	EBU

Fakulti Kejuruteraan	KNU
Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan	MDU
Fakulti Sains dan Teknologi Sumber	STU
Fakulti Sains Sosial	SSU
Fakulti Bahasa dan Komunikasi	PBU
Fakulti Alam Bina	BEU
Pusat Pemajuan Pelajar	PPU

v. **Kod Abjad Ketiga Mewakili Kursus Teras Fakulti dalam Program Akademik di Fakulti dan Pusat**

a. Kod Abjad ketiga bagi mewakili kursus-kursus yang bertaraf kursus Teras

G	K	F	Catatan:
<i>Kod Abjad Mewakili Fakulti</i>	<i>Kod Abjad Mewakili Kursus Teras Fakulti</i>		'Kursus Teras' ialah kursus yang wajib diambil oleh pelajar bagi sesuatu program (Buku Peraturan Akademik Pengajian Ijazah Sarjana Muda, 2012/2013, m.s 5)

Fakulti ialah 'F'.

vi. **Tafsiran Angka Kredit**

a. Penentuan angka untuk kursus dalam program akademik yang ditawarkan berdasarkan tafsiran berikut:

Turutan Angka		Tafsiran
Pertama	Tahap Pengajian	1 – 4 Sarjana Muda
		5 Diploma Pascasiswazah
		6 Sarjana
		7 Kedoktoran
		8 Sijil
		9 Diploma Eksekutif
Kedua dan Ketiga	Program Sarjana Muda: Turutan mengikut tahun pengajian.	Contoh: TMI1014 – 01 merujuk kepada kursus pertama diwujudkan untuk tahun 1. TMI2014 – 01 merujuk kepada kursus pertama diwujudkan untuk tahun 2.
	Program selain Sarjana Muda: Turutan mengikut jumlah keseluruhan	Contoh: GKS1013, GKS2193, GKS3163 – 01, 16 dan 19 merujuk kepada bilangan

	kursus didalam program.	kursus ke berapa yang diwujudkan untuk satu program. Nombor turutan yang telah digunakan oleh satu kursus tidak boleh berulang atau digunakan oleh kursus lain daripada program yang sama.
Keempat dan Kelima*	Jumlah Kredit	Contoh: GKC 1014 (4 kredit) TMF39412 (12 kredit)*

*Nota: Angka Kelima untuk kursus khas yang melebihi 9 kredit seperti Latihan Industri.

Contoh:

Program Peringkat Sarjana Muda						
G	K	C	1	0	1	4
<i>Kod Abjad Mewakili Fakulti</i>	<i>Kod Abjad Mewakili Program</i>	<i>Tahap Pengajian Tahun 1</i>	<i>Bilangan Kursus Yang Pertama Bagi Tahun 1</i>	<i>Jumlah Kredit</i>		

Program Selain Peringkat Sarjana Muda						
K	N	J	6	0	1	4
<i>Kod Abjad Mewakili Fakulti</i>	<i>Kod Abjad Mewakili Program</i>	<i>Tahap Pengajian Sarjana</i>	<i>Bilangan Kursus Yang Pertama Bagi Program Sarjana</i>	<i>Jumlah Kredit</i>		

b. Penentuan angka untuk kursus dalam program akademik yang ditawarkan oleh **Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan** berdasarkan tafsiran berikut:

Turutan Angka		Tafsiran
Pertama	Tahap Pengajian	1 – 5 Sarjana Muda
		6 Sarjana
		7 Kedoktoran
Kedua dan Ketiga	Program Sarjana Muda: Turutan mengikut tahun pengajian.	Contoh: MDU10108 – 01 merujuk kepada kursus pertama diwujudkan untuk tahun 1. MDU20109 – 01 merujuk kepada kursus pertama diwujudkan untuk tahun 2.

	Program selain Sarjana Muda: Turutan mengikut jumlah keseluruhan kursus didalam program.	Contoh: MDP7 <u>0</u> 102, MDP7 <u>1</u> 410, MDP7 <u>2</u> 203, – 01, 14 dan 22 merujuk kepada bilangan kursus ke berapa yang diwujudkan untuk satu program. Nombor turutan yang telah digunakan oleh satu kursus tidak boleh berulang atau digunakan oleh kursus lain daripada program yang sama.
Keempat dan Kelima	Jumlah Kredit	Contoh: MDU101 <u>0</u> 8 (8 kredit)

Contoh:

Program Peringkat Sarjana Muda						
M	D	U	1	0	1	08
<i>Kod Abjad Mewakili Fakulti</i>	<i>Kod Abjad Mewakili Program</i>	<i>Tahap Pengajian Kursus Tahun 1</i>	<i>Bilangan Kursus Yang Pertama Bagi Tahun 1</i>	<i>Jumlah Kredit</i>		

Program Selain Peringkat Sarjana Muda						
M	D	P	7	0	1	02
<i>Kod Abjad Mewakili Fakulti</i>	<i>Kod Abjad Mewakili Program</i>	<i>Tahap Pengajian Kedoktoran</i>	<i>Bilangan Kursus Yang Pertama Bagi Program Kedoktoran</i>	<i>Jumlah Kredit</i>		

- c. Penentuan angka untuk kursus dalam program akademik yang ditawarkan melibatkan Mata Pelajaran Umum (MPU) berdasarkan tafsiran berikut:

Turutan Angka		Tafsiran	
Pertama	Tahap Ijazah	1	Sijil Tahap 3 KKM)
		2	Diploma/Diploma Lanjutan (Tahap 4/Tahap 5 KKM)
		3	Sarjana Muda (Tahap 6 KKM)
Kedua	Kelompok Kursus MPU	1	Kelompok U1
		2	Kelompok U2
		3	Kelompok U3
		4	Kelompok U4

Ketiga	Nama Kursus Yang Ditawarkan	U1	1 = Hubungan Etnik di Malaysia 2 = TITAS 3 = B.M. Komunikasi 1 4 = B.M. Komunikasi 2 5 = Pengajian Malaysia 1 6 = Pengajian Malaysia 2 7 = Apresiasi Budaya Masyarakat Malaysia
		U2	1 = Bahasa Kebangsaan A Kursus–kursus lain diselaraskan oleh IPT
		U3	Diselaraskan oleh IPT
		U4	Diselaraskan oleh IPT
Keempat	Jumlah Kredit	Contoh: MPU3123 (3 kredit)	

M	P	U	3	1	2	3
<i>Mata pelajaran Umum</i>		<i>Tahap ijazah</i>		<i>U1</i>	<i>TITAS</i>	<i>Jumlah Kredit</i>

3. Perubahan ini akan digunakan untuk program baharu mulai tahun 2021. Untuk program sedia ada, pematuhan kepada cadangan pindaan garis panduan ini akan berkuat kuasa untuk proses penamaianan kualiti berterusan (*continuous quality improvement, CQI*) atau semakan kurikulum bermula tahun 2021.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

Prof Dr Hj Ahmad Hata bin Rasit
Timbalan Naib Canselor (Akademik Dan Antarabangsa)
Universiti Malaysia Sarawak

11 Mac 2021